

# Prinsip Maqasid Syariah tangani ancaman COVID-19

**Sepang:** Maqasid Syariah menjadi prinsip panduan dalam menggerakkan usaha kerajaan melawan pandemik COVID-19, biarpun pada zahirnya ia tidak diuar-uarakan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, tema 'Malaysia Prihatin' yang menjadi aspirasi kerajaan Perikatan Nasional (PN) untuk memastikan kesihatan rakyat terpelihara daripada ancaman wabak COVID-19 yang melanda dunia dan keadaan ekonomi negara dapat dipulihkan selepas terjejas susulan serangan wabak itu sejak awal tahun ini.

Beliau berkata, bagi umat Islam negara ini, COVID-19 menginsafkan dalam banyak aspek.

"Atas semangat 'Malaysia Prihatin', kerajaan mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan atau PKP.

"Sehinggalah saat ini, kita masih dalam fasa PKP Pemulihan, demi memelihara keselamatan dan nyawa orang awam daripada ancaman wabak COVID-19.

"Dalam memelihara nyawa, seperti mengelakkan daripada penularan pandemik COVID-19, keputusan dan tindakan menguatkuasakan PKP adalah hakikatnya adalah pengaplikasian prinsip Maqasid Syariah.

"Dengan statistik pertambahan pesakit dan juga kematian akibat pandemik ini, masyarakat sudah tentu memahami bahawa prinsip memelihara nyawa itu amat penting," katanya ketika merasmikan Persidangan Kehakiman dan Perundangan Syariah Nusantara Tahun 2020, di sini, semalam.

Muhyiddin berkata, sebagai pe-

merintah, menjadi tanggungjawab kerajaan yang prihatin untuk mengelakkan penularan wabak berbahaya ini yang boleh membawa kematian kepada rakyat.

Beliau berkata, dalam keadaan kebanyakan negara di dunia terpaksa melaksanakan perintah berkurung, banyak urusan berkaitan pentadbiran negara dan pengurusan ekonomi tidak dapat dilakukan dalam keadaan biasa seperti sebelum ini.

Katanya, pemeliharaan agama juga menjadi satu topik penting dibincangkan kerajaan sepanjang pelaksanaan PKP yang mewujudkan satu norma baharu dalam kehidupan umat Islam.

Beliau berkata, antara norma baharu itu, termasuk solat berjemaah di masjid dan surau di seluruh negara yang perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

"Pada peringkat awal, kita terpaksa menutup masjid dan surau untuk mengelakkan jangkitan COVID-19 dalam masyarakat. Solat Jumaat juga tidak diadakan untuk beberapa ketika demi untuk memelihara nyawa rakyat.

"Alhamdulillah, pada hari ini masjid dan surau sudah dibuka atas sebab kerajaan prihatin terhadap keperluan umat Islam untuk menjalankan ibadah yang sebahagian daripada prinsip hifzu al-din atau memelihara agama.

"Namun, prinsip ini diseimbangkan dengan prinsip hifzu al-nafs atau memelihara nyawa. Oleh itu, walaupun masjid dan surau sudah dibuka dan solat berjemaah, termasuk solat Jumaat dibenarkan, jemaah mesti mengamalkan norma baharu," katanya.